



Bertindak dengan integriti.

Urus Tadbir Kelakuan Perniagaan Celestica



Nilai-nilai Kami

Kerja berpasukan

Kami memahami, saling mempelajari dan bekerjasama dengan satu sama lain untuk merealisasikan masa depan yang lebih cerah.

Kepintaran

Kami menetapkan aras standard kreativiti, inovasi dan penghasilan.

Berkeyakinan

Kami berasa bangga mendukung kerja kami dengan bangga.

Prihatin

Kami adalah rakan niaga yang dipercayai yang didorong oleh kebertanggungjawaban, integriti dan rasa hormat.

Isi Kandungan

Mesej daripada Rob Mionis	1
Pengenalan BCG	2
Berkelakuan Secara Beretika	3
Penyimpanan rekod dan laporan kewangan	4
Polisi-polisi Celestica mengenai diskriminasi, gangguan dan penyalahgunaan dadah	5
Pohon Membuat Keputusan Beretika	6
Menjalankan perniagaan kami dan menyumbang kepada komuniti kami	7
Urus niaga Adil – pelanggan dan pembekal	7
Polisi-polisi Celestica tentang rasuah dan hadiah	9
Memahami rasuah korporat	10
Mengelakkan konflik kepentingan	11
Reputasi Celestica sebagai warga korporat yang baik	12
Melindungi aset-aset kami	12
Penggunaan aset-aset Celestica yang boleh diterima	13
Kerahsiaan dan privasi data	13
Mematuhi undang-undang, kebertanggungjawaban diri dan pelanggaran peraturan	14
Perdagangan Orang Dalam	14
Pematuhan perdagangan	15
Bersuara atau meminta bantuan	16
Cara untuk melaporkan pelanggaran	16



MESEJ DARIPADA

Rob Mionis

Rakan-rakan Sekerja yang dihormati,

Di Celestica, reputasi kami adalah aset yang paling berharga. Para pekerja kami di seluruh dunia merupakan teras reputasi kami, yang bertanggungjawab terhadap nilai-nilai utama kami iaitu kerja berpasukan, kepintaran, keyakinan dan mengambil berat.

Saya ingin setiap pekerja merasa bangga bekerja dengan sebuah syarikat yang komited memastikan bahawa semua pekerja bekerja dengan satu sama lain, dan juga dengan pelanggan, pembekal, rakan kongsi, pemegang saham dan komuniti kami, dalam cara yang beretika dan bertanggungjawab.

Bagi kami matlamat ini, kami perlu mematuhi nilai-nilai dan etika perniagaan yang digariskan dalam Polisi Tadbir Urus Kelakuan Perniagaan (BCG) dan Tatalaku Perikatan Perniagaan Bertanggungjawab (RBA). Melalui polisi-polisi ini, kami telah menetapkan piawaian untuk memastikan bahawa kami semua melakukan perkara yang betul.

Setiap daripada kami memainkan peranan penting dalam memastikan integriti syarikat ini. Melaporkan tingkah laku atau tindakan yang bercanggah dengan piawaian etika kami adalah tanggungjawab kami bersama. Para pekerja adalah digalakkan untuk merujuk kepada pengurus mereka atau bahagian Sumber Manusia, atau e-mel kepada compliance@celestica.com, sekiranya mereka mempunyai pertanyaan atau kemusykilan berkaitan perkara etika. Pekerja juga boleh melaporkan kemusykilan melalui Talian Etika bebas tol Celestica atau menggunakan halaman web disediakan dan dijamin selamat.

Ingat, secara dasarnya bertindak dengan berintegriti adalah untuk memastikan bahawa Celestica kekal menjadi sebuah tempat di mana kami semua berasa bangga untuk bekerja. Dengan bantuan dan kerjasama anda semua, saya yakin bahawa Celestica akan mengekalkan reputasinya sebagai rakan kongsi yang dipercayai pelanggan kami dan sebagai warga korporat yang beretika dan bertanggungjawab.

Terima kasih atas komitmen anda.

Rob Mionis

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

Memperkenalkan Urus Tadbir Kelakuan Perniagaan (BCG)

Celestica membina hubungan yang boleh dipercayai dan menyelesaikan cabaran-cabaran teknologi yang rumit bagi membantu para pelanggan kami merealisasikan nilai, potensi dan hasil yang lebih besar. Untuk menunaikan janji ini, saya mesti bertindak dengan berintegriti dalam berurusan dengan rakan-rakan sekerja, pelanggan, pembekal, rakan kongsi, pemegang saham dan komuniti saya, secara beretika dan dengan penuh tanggungjawab.

Polisi Urus Tadbir Kelakuan Perniagaan ini menerangkan pendekatan Celestica berurus niaga dan menerangkan piawai etika dan undang-undang, dimana saya sebagai seorang pekerja Celestica, adalah diharap untuk memberikan komitmen. Komitmen ini adalah lebih daripada sekadar merasa bangga kami. Urus Tadbir Kelakuan Perniagaan mengenal pasti pelbagai polisi untuk membantu saya mencapai matlamat, memberikan contoh mengenai apa makna polisi tersebut dan memberitahu saya bila untuk bertanya soalan, tempat saya mendapat bantuan, dan sebab kelakuan yang beretika dan mematuhi undang-undang adalah penting.

Saya faham bahawa sekiranya saya melanggar BCG, saya boleh dikenakan tindakan disiplin, sehinggalah ke tahap pemecatan.

Saya bertindak dengan beretika

Etika merupakan satu bahagian sistem nilai kami yang penting di Celestica. Bertindak secara beretika bermaksud membuat perkara yang betul. Kami semua mahu membuat perkara yang betul, bagi diri sendiri dan Celestica. BCG membantu saya untuk memahami tanggungjawab saya terhadap Celestica, rakan-rakan sekerja, para pelanggan, para pembekal, kerajaan dan komuniti.

Saya bertindak dengan integriti

Saya tahu bahawa semua yang saya kata dan buat akan mempengaruhi reputasi saya – dan Celestica. Saya memahami bahawa jika tindakan saya menjejaskan kepentingan dan reputasi Celestica secara negatif, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib, sehinggalah ke tahap pemecatan. Saya berkomited untuk mendukung nilai dan polisi kami, termasuk Urus Tadbir Kelakuan Perniagaan. Saya bersikap jujur dan adil semasa berurusan dengan rakan-rakan sekerja, pelanggan, pesaing dan komuniti saya.

Saya bercakap untuk diri sendiri, bukan untuk Celestica

Saya tahu bahawa saya tidak boleh membuat pernyataan awam tentang Celestica dengan media atau melalui rangkaian sosial Internet melainkan saya dibenarkan untuk berbuat demikian. Jika saya tidak dibenarkan untuk bercakap bagi pihak Celestica, saya memahami bahawa saya haruslah menghantarkan sebarang soalan ataupun pertanyaan daripada media atau orang lain ke Bahagian Komunikasi.

Saya memastikan integriti kewangan kami

Sebagai sebuah syarikat awam, rekod dan akaun Celestica mesti mematuhi prinsip-prinsip perakaunan dan sistem kawalan dalaman yang ada. Saya tidak akan buat pencatatan yang tidak benar atau palsu dalam sebarang buku, rekod dan akaun kewangan. Saya memberikan kerjasama secara penuh dengan semua audit dan penyiasatan dalaman ataupun bila diminta oleh juruaudit luar dan pengawal selia dan memberi maklumat yang benar dan tepat. Saya memastikan bahawa rekod perniagaan yang merupakan tanggungjawab saya dipelihara mengikut [Polisi Pengurusan Rekod Celestica](#) (Celestica Record Management Policy).

Sebagai seorang pekerja Celestica, saya memahami bahawa BCG menghendaki saya untuk:

- Memperoleh kesetiaan pelanggan dengan memenuhi janji saya
- Mendapat dan menjalankan perniagaan secara sah dan beretika
- Membuat keputusan perniagaan demi kepentingan Celestica
- Melaporkan kebimbangan terhadap salah laku perniagaan dengan segera
- Mematuhi undang-undang



Pelaporan yang tidak jujur adalah seperti...

Sue cuba mendapat faedah perubatan untuk anak-anak dewasanya dengan menghantar satu borang menuntut bahawa anak-anaknya adalah para pelajar sepenuh masa. Sebenarnya, anak-anaknya bukan lagi pelajar. Dengan menghantar satu tuntutan yang palsu, Sue bertindak secara tidak beretika dan menipu syarikat.

Saya membuat laporan yang tepat dan jujur

Memastikan rekod perniagaan dan kewangan yang tepat dan lengkap bukanlah sahaja peranan para pekerja perakaunan dan kewangan. Di Celestica, ketepatan rekod – dari rekod masa dan laporan belanja hingga borang-borang tuntutan dan biodata – merupakan tanggungjawab semua pekerja. Apabila saya menyimpan rekod yang tepat dan membuat laporan yang jujur, saya menyokong reputasi Celestica dan memastikan kami memenuhi kewajipan yang bersangkutan dengan undang-undang dan peraturan. Saya memahami bahawa memberikan maklumat yang tidak tepat ataupun palsu boleh menyebabkan tindakan sivil atau jenayah dikenakan terhadap Celestica dan saya.

Saya seorang pemimpin yang beretika

Sebagai seorang pengurus Celestica, saya diharapkan untuk menjadi seorang pemimpin yang beretika. Saya bertanggungjawab untuk menunjukkan teladan yang baik, menggalakkan persekitaran yang terbuka dan komunikasi jujur tanpa berasa takut terhadap tindakan balas dan mengambil tindakan segera apabila isu-isu etika dibawa ke perhatian saya. Pengurus dijangka untuk menetapkan suatu tahap integriti, dengan tidak mengarahkan para pekerja untuk mencapai hasil yang melanggar polisi-polisi Celestica, BCG atau undang-undang. Pengurus juga bertanggungjawab untuk meluluskan pelbagai urusaniaga bagi pihak Celestica secara wajar. Sebagai seorang pengurus, saya perlu memastikan bahawa keperluan polisi dipenuhi. Keputusan perniagaan tidak pernah lebih penting daripada tingkah laku beretika dan pematuhan terhadap polisi-polisi Celestica, BCG atau undang-undang.

Menggalakkan persekitaran kerja yang positif

Saya menyokong persekitaran yang bebas daripada diskriminasi dan gangguan

Celestica adalah tempat kerja yang baik dimana semua pekerja bekerja ke arah persekitaran yang selamat, bersih, sihat dan terjamin. Kami semua bertanggungjawab untuk memastikan budaya kami bebas daripada diskriminasi dan gangguan berdasarkan bangsa, warna kulit, agama, jantina, identiti jantina, warganegara, dan/atau asal usul, umur, kecacatan, orientasi seksual, status perkahwinan atau lain-lain faktor. Saya memahami bahawa Celestica tidak bertolak ansur terhadap gangguan seksual, tindakan, komen atau lain-lain kelakuan di tempat kerja yang mengugut, memalukan ataupun membuat pekerja lain berasa tidak selamat. Tempat kerja yang selamat dan terjamin juga bermakna ianya selamat daripada keganasan. Ancaman (tersirat atau tersurat), dan ugutan tidak mempunyai tempat di Celestica. Apabila saya memerhatikan atau mengalami apa-apa gangguan sedemikian, saya tahu bahawa adalah tanggungjawab saya untuk membuat laporan dengan segera.

Saya menyokong persekitaran yang bebas daripada penyalahgunaan dadah

Saya faham bahawa penggunaan alkohol, dadah atau minuman keras lain boleh mengganggu kemampuan saya di tempat kerja. Selain itu, Celestica komited untuk tempat kerja yang bebas daripada bahan yang memabukkan dan ianya konsisten dengan undang-undang, dan melarang pengedaran, pemilikan atau penggunaan alkohol, dadah atau bahan pemabuk lain yang tidak dibenarkan atau tidak sah berada di atas harta milik Celestica. Tambahan pula, Celestica mengharapkan pertimbangan dan kebolehan para pekerja untuk membuat keputusan yang jelas dan tidak dijejaskan oleh alkohol, dadah atau bahan lain yang memabukkan. Selain mempengaruhi kemampuan kerja dan kebolehan pekerja membuat keputusan, penggunaan bahan memabukkan boleh mewujudkan risiko besar kepada keselamatan orang lain dan hal ehwal perniagaan kami.


Perilaku yang tidak wajar kelihatan seperti ...

Grace dan Jose menghadiri sebuah acara kerja. Selepas aktiviti bina pasukan berakhir, beberapa rakan mereka mencadangkan bahawa mereka pergi ke sebuah tempat hiburan untuk orang dewasa bersama-sama. Grace dan Jose pergi bersama-sama dengan kumpulan tersebut tetapi mereka berasa tidak selesa dan keluar dari tempat tersebut. Menghadiri tempat tersebut semasa mewakili Celestica tidak sejajar dengan Nilai-nilai atau polisi BCG kami. Sesuai dengan Polisi Perjalanan dan Hiburan kami, perbelanjaan yang berkaitan dengan tempat-tempat tersebut tidak akan dibayar balik oleh Celestica.

Pohon Membuat Keputusan Beretika

Pohon Membuat Keputusan ini adalah alat yang berguna apabila anda berdepan dengan keadaan membuat keputusan yang sukar.

Tanya Diri Anda Sendiri:



Keputusan untuk melakukannya adalah wajar.

Mengendalikan perniagaan kami dan menyumbang kepada komuniti kami

Saya komited berurusan secara adil

Di Celestica, kami berurusan dengan pelbagai jenis orang dan pelbagai organisasi – dari pelanggan ke pembekal hingga ke institusi pendidikan, kerajaan dan komuniti. Setiap orang termasuk pesaing yang berurusan atau berhubungan dengan saya berhak untuk mendapat layanan yang adil. Saya tahu bahawa komunikasi yang jelas dan jujur adalah kunci kepada tindakan beretika dan membina hubungan yang teguh serta berpanjangan di dalam Celestica dan dengan rakan-rakan kongsi luar kami. Saya tidak memberikan gambaran yang salah mengenai saya sendiri ataupun Celestica.

Nilai-nilai kami mengiktiraf pembekal-pembekal kami sebagai sebahagian daripada kumpulan kami. Ini bermaksud saya melayan semua pembekal kami secara saksama, tidak menggunakan pengaruh untuk mendapat layanan istimewa atau untuk pembekal yang tertentu. Komitmen kami terhadap proses pilihan yang adil memberikan pembekal kami keyakinan terhadap integriti kami dan membantu kami mengekalkan hubungan yang positif dengan mereka.

Saya menghormati hak pesaing

Di Celestica, kami mempercayai persaingan yang adil dan terbuka. Sewaktu kami bersaing secara agresif, kami mematuhi undang-undang antitrust dan persaingan yang tertakluk di mana sahaja kami mengurus niaga. Saya menghormati hak pembekal kami dan berurusan dengan mereka secara adil. Saya tidak melibatkan diri dalam perdagangan yang tidak adil ataupun menyalahi undang-undang. Saya mendukung polisi Celestica untuk memasarkan barang keluaran dan perkhidmatan kami berdasarkan meritnya, tidak mengecil-ngecilkan pesaing kami, barang keluaran ataupun perkhidmatan mereka. Saya mengelak daripada membuat pernyataan yang palsu ataupun mengelirukan.

Dalam beberapa kes, sebuah syarikat mungkin adalah pesaing mahu pun pelanggan atau pembekal. Dari semasa ke semasa, saya mungkin akan berjumpa, bercakap dan menghadiri acara-acara industri yang sama dengan pesaing kami. Saya perlu lebih berhati-hati terhadap hubungan dan keadaan ini.

Saya tidak akan berbincang maklumat sulit Celestica dengan pesaing ataupun membuat persetujuan untuk:

- Mengatur harga
- Berkongsi maklumat tentang penetapan harga, margin keuntungan, kos, syarat-syarat jualan, pelanggan, promosi, diskaun, rancangan atau strategi pemasaran
- Membahagi peluang jualan ataupun wilayah pasaran
- Mengelakkan pengejaran pelanggan pesaing
- Tidak menjual satu barang keluaran ataupun perkhidmatan yang tertentu
- 'Mengatur' satu proses penawaran yang bersaing, ataupun
- Memboikot seorang pembekal ataupun penjual yang tertentu



Rasuah korporat adalah seperti...

Mark merupakan ejen pembelian di Celestica. Salah seorang pembekalnya, iaitu Bob, mencadangkan jika Mark boleh menarik urus niaganya daripada seorang pembekal pesaing dan membuat pesanan yang lebih besar dengan syarikat Bob, dia akan memberi Mark beberapa "faedah istimewa."

Saya memahami polisi Celestica tentang rasuah dan hadiah

Polisi kami, dan juga undang-undang di kebanyakan negara di mana kami mengurus niaga, melarang kami memberi atau menerima rasuah bagi sebarang tujuan. Contoh rasuah termasuk bayaran tunai, wang sogokan, ataupun invois secara langsung bagi perbelanjaan yang meragukan.

Kami membuat keputusan kami untuk membeli barang keluaran dan perkhidmatan daripada penjual, pembekal dan lain berdasarkan kriteria seperti kualiti, harga dan kebolehpercayaan dan berharap para pelanggan kami juga akan membeli barang keluaran dan perkhidmatan kami berdasarkan asas yang sama. Saya memahami bahawa memberi atau menerima hadiah dan keraian berpotensi menjejaskan objektif dan pertimbangan. Saya boleh memberi atau menerima hadiah, makanan, perkhidmatan dan keraian jika ia:

- Agak jarang sekali berlaku dan nilanya tidak berlebihan
- Mematuhi undang-undang yang digunapakai dan adalah sejajar dengan amalan perniagaan atau adab lazim
- Tidak akan membuatkan saya terhutang budi kepada orang yang memberikan hadiah
- Tidak termasuk wang tunai
- Tidak diberi kepada, ataupun diterima daripada, apa-apa pegawai kerajaan

Untuk menetapkan apa yang sesuai ataupun tidak berlebihan apabila memberi dan menerima hadiah adalah tidak mudah. Dalam keadaan ini, saya menggunakan pertimbangan baik saya dan bertanya diri sendiri tentang soalan yang berikut:

- Adakah orang yang saya merancang untuk memberi hadiah mempunyai polisi tempat kerja yang melarangnya? Apabila saya berasa ragu-ragu, saya tanya terlebih dahulu.
- Adakah ianya betul? Kalau tidak, saya tidak menerimanya, tidak memberinya, atau minta panduan terlebih dahulu.
- Adakah saya menerima hadiah di sesebuah negara di mana ianya tidak sopan untuk mengembalikan atau menolaknya? Di sesetengah negara, mengembalikan atau menolak hadiah dianggap tidak sopan. Jika ini berlaku, saya perlu menerima hadiah tersebut dan segera menghubungi pengurus untuk panduan bagaimana untuk menangani hadiah tersebut.



Celestica akan mengorbankan peluang-peluang perniagaan daripada membayar rasuah. Pertimbangkan senario-senario berikut.

Soalan dan Jawapan

Soalan 1: Salah seorang pelanggan saya sedang merancang sebuah lawatan dari pejabatnya di Asia Tenggara ke ibu pejabat Celestica untuk bertemu dengan pasukan pengurusan eksekutif kami. Pelanggan saya memberitahu saya bahawa dia berharap semua perbelanjaan perjalanannya dibayar balik, termasuklah perbelanjaan diri yang dirancang untuk dibelanjakannya apabila melawat ke tempat itu. Bolehkah saya meluluskannya?

Jawapan 1: Tidak. Anda tidak boleh meluluskan bayaran balik untuk pelanggan berkaitan perbelanjaan bukan perniagaan, seperti perjalanan bersiar-siar atau tiket kapal terbang untuk keluarga ahli. Celestica tidak boleh membayar perbelanjaan ini oleh kerana berbuat demikian boleh mewujudkan suatu keadaan yang melibatkan rasuah. Semua perbelanjaan yang boleh dibayar balik harus (1) secara tegas berkaitan dengan usaha perniagaan secara "bonafide" (berniat baik), (2) yang munasabah dan (3) yang dibenarkan di bawah semua undang-undang dan polisi Celestica.

Soalan 2: Kami menggunakan pihak ejen untuk memudahkan hubungan dengan pegawai-pegawai kerajaan tempatan. Baru-baru ini dia meminta kami untuk meningkatkan komisennya secara mendadak walaupun kami tidak memperluas skop tanggungjawabnya atau memintanya untuk melakukan kerja tambahan. Saya mengesyaki dia ingin memberi wang ini kepada pegawai-pegawai tempatan tersebut. Apakah yang saya perlu lakukan?

Jawapan 2: Jika anda mengesyaki bahawa ejen tersebut membuat bayaran yang menyalahi undang-undang bagi pihak Celestica, syarikat mempunyai kewajipan untuk menyiasat sama ada ini berlaku dan untuk menghentikan apa-apa pembayaran sedemikian. Anda perlu melaporkan kecurigaan anda kepada Jabatan Perundangan atau Pematuhan.

Soalan 3: Saya diberitahu bahawa di negara tertentu ianya adalah amalan biasa untuk membayar sedikit ganjaran kepada pelanggan sebelum mereka membeli produk Celestica. Adakah saya perlu membayar ganjaran supaya saya tidak kehilangan perniagaan?

Jawapan 3: Tidak. Kami tidak terlibat dalam perniagaan yang cuma boleh diperolehi melalui pembayaran yang tidak wajar atau menyalahi undang-undang. Jabatan Perundangan dan Pematuhan harus dihubungi jika anda tidak pasti sama ada bayaran yang diminta adalah dibenarkan. Jika anda menyedari mengenai pemberian hadiah, rasuah, ganjaran, sogokan, pembayaran rahsia atau dorongan kepada sesiapa pun, termasuklah para pelanggan, ejen atau pekerja (atau ahli-ahli keluarga mereka), untuk menjana perniagaan, anda harus segera menghubungi Jabatan Perundangan atau Pematuhan.



Contoh konflik kepentingan yang boleh terjadi termasuk:

- Mempunyai kepentingan kewangan di dalam sebarang organisasi yang berniaga dengan Celestica, termasuk pembekal, pesaing, pelanggan dan pengedar
- Mendapat keuntungan melalui penggunaan harta, maklumat ataupun jawatan korporat, atau menggunakannya untuk keuntungan peribadi
- Mempunyai pasangan, ahli keluarga terdekat saya ataupun orang lain yang rapat dengan saya yang bekerja untuk pelanggan, pembekal ataupun pesaing Celestica. Keadaan ini adalah sangat sensitif dan haruslah dibincang dengan pengurus saya
- Membantu ataupun bekerja untuk pesaing Celestica sebagai seorang pekerja ataupun pakar runding
- Melibatkan diri dalam aktiviti yang berkonflik dengan kepentingan perniagaan Celestica, seperti memasarkan barang keluaran ataupun perkhidmatan pesaing secara komersial
- Bertindak sebagai atau mewakili sesebuah pembekal Celestica tanpa kebenaran Celestica
- Berkhidmat sebagai anggota lembaga pengarah pembekal ataupun pesaing tanpa kebenaran Celestica
- Membuat kerja luar yang lain ataupun mencari pelanggan yang tidak berkaitan dengan kerja di dalam Celestica ataupun pada waktu bekerja Celestica
- Mengguna kelengkapan Celestica, seperti telefon, bahan, sumber ataupun maklumat sulit, untuk membuat kerja luar yang lain

Saya menghormati hubungan kami dengan pekerja-pekerja kerajaan

Di Celestica, kami memahami bahawa amalan yang boleh diterima dalam persekitaran perdagangan mungkin tidak boleh diterima ataupun menyalahi undang-undang semasa kami berurusan dengan kakitangan kerajaan. Contohnya, peraturan yang tertentu melarang ataupun mengehadikan hadiah atau makanan ataupun keraian kepada kakitangan kerajaan. Saya memahami bahawa tugas saya adalah untuk mengetahui dan mematuhi undang-undang dan peraturan berkaitan yang mengawal hubungan antara kerajaan, pelanggan dan pembekal.

Saya mengelakkan konflik kepentingan

Semasa menjalankan tugas saya, saya sentiasa bertindak demi kepentingan Celestica. Konflik kepentingan terjadi apabila kepentingan dan hubungan peribadi saya terlibat, ataupun kelihatan terlibat, dengan kuasa saya untuk membuat keputusan demi kepentingan syarikat. Jika saya bekerja di luar Celestica, pekerjaan tersebut tidak boleh bercanggah dengan tanggungjawab saya terhadap Celestica atau mengganggu keupayaan saya untuk melaksanakan tugas saya di Celestica. Tugas saya adalah untuk mengenal pasti dan memberitahu pengurus saya apabila berlaku sesuatu perkara yang berpotensi boleh berlakunya konflik, yang berkaitan dengan Polisi Percanggahan Kepentingan dan Hubungan Peribadi ("[Conflict of Interest and Personal Relationship Policy](#)").

Saya menyumbang kepada komuniti saya

Penglibatan komuniti ialah kunci utama sistem nilai kami di Celestica. Saya digalakkan bergiat aktif dalam aktiviti sivik komuniti saya dengan meluangkan masa saya dan menderma.



Namun begitu, mungkin terdapat masa apabila penglibatan komuniti saya boleh menimbulkan isu bagi Celestica, dan saya harus berhati-hati dan bertindak demi kepentingan syarikat kami. Contohnya:

- Jika saya berkhidmat dalam lembaga organisasi berdasarkan keuntungan atau bukan berdasarkan keuntungan, konflik kepentingan mungkin timbul jika saya terlibat dalam membuat keputusan melibatkan Celestica. Jika pihak lembaga yang saya ingin berkhidmat untuk mempunyai apa-apa urusan dengan Celestica, saya harus berbincang dengan pengurus saya terlebih dahulu untuk menentukan sama ada berkhidmat untuk pihak lembaga tersebut merupakan konflik kepentingan
- Jika saya bersuara tentang isu-isu awam, saya bersuara dan bertindak sebagai seseorang individu dan tidak boleh bersuara bagi pihak Celestica.
- Jika saya mengambil bahagian dalam politik, saya memahami bahawa ketika saya mengambil cuti yang berpatutan tanpa gaji bagi aktiviti demikian, pengurus saya mesti meluluskannya dahulu. Saya memahami bahawa Celestica tidak membayar saya gaji bagi masa yang saya gunakan untuk bertanding, berkhidmat sebagai seorang pegawai yang dipilih atau berkempen bagi seseorang calon politik

Saya melindungi alam sekitar

Kami semua mempunyai peranan untuk melindungi alam sekitar. Saya mematuhi semua standard persekitaran, dan juga polisi alam sekitar Celestica. Jika saya ternampak sebarang pelanggaran undang-undang alam sekitar ataupun sebarang tindakan yang membimbangkan saya, saya akan melaporkannya kepada pengurus saya dengan segera.

Saya melindungi reputasi Celestica sebagai seorang warga korporat yang baik

Saya komited kepada tingkah laku beretika bukan sahaja di pejabat dan kilang kami, dan bekerjasama dengan rakan kongsi kami untuk memastikan bahawa urusan niaga dalam industri kami dikendalikan secara adil dan beretika. Sebagai seorang ahli Perikatan Perniagaan Bertanggungjawab, kami menyokong dan menggalakkan Tatakelakuan yang biasanya untuk industri elektronik. Bersama dengan RBA dan ahli-ahlinya, kami berusaha untuk memperbaiki keadaan persekitaran dan tempat kerja dalam industri kami. Kami mengukur pematuhan Tatakelakuan Perikatan Perniagaan Bertanggungjawab kami melalui satu gabungan penilaian audit dalaman dan luaran.

Pelanggaran undang-undang alam sekitar adalah seperti...

Sarah bertanggungjawab untuk mengendali dan membuang sisa buangan yang berbahaya secara betul di Celestica. Dia tahu ini adalah suatu perkara yang mahal – Bukankah ia lebih mudah dan menguntungkan jika sisa buangan dibuang ke dalam longkang sahaja? Pada suatu hari, dalam keadaan tidak berpuas hati Sarah membuat demikian. Kerana tidak membuang buangan yang berbahaya secara betul, Sarah telah melanggar peraturan persekitaran dan menjejaskan sumber bekalan air.

Melindungi aset-aset kami

Contoh maklumat proprietari / hak milik dan sulit

- Rancangan perniagaan, kewangan, pemasaran dan perkhidmatan
- Maklumat pekerja seperti data gaji atau rekod perubatan
- Senarai pelanggan
- Data pelanggan atau prospek
- Hak cipta, paten, rahsia perdagangan, proses pembuatan atau perisian

Cara-cara saya boleh melindungi maklumat proprietari / hak milik dan sulit kami

- Tidak mendedahkan maklumat sulit kepada sesiapa di luar Celestica tanpa kebenaran
- Hanya mendedahkan maklumat sulit kepada pekerja lain untuk tujuan perniagaan yang sah dan berdasarkan keperluan untuk mengetahui
- Menyimpan semua maklumat sulit yang boleh menguntungkan pesaing ataupun menjejaskan Celestica jika didedahkan
- Simpan dokumen yang sensitif dalam fail atau laci yang berkunci
- Maklumat sulit yang dihantar secara elektronik mungkin perlu di "encrypt" sebelum dihantar. Sekiranya frasa laluan digunakan untuk "encrypt" sila hantarkan kepada penerima melalui e-mel yang berasingan.

Di Celestica, kami semua bertanggungjawab untuk melindungi aset dan maklumat yang diamanahkan kepada kami daripada kerugian, kerosakan, salah guna atau dicuri. Saya tidak menggunakan aset atau maklumat Celestica untuk tujuan yang akan melanggar undang-undang ataupun polisi syarikat.

Saya menghormati dan melindungi aset kami

Saya memahami bahawa aset Celestica, seperti wang, barang keluaran, kelengkapan, sistem, kemudahan dan bekalan hanya boleh digunakan bagi tujuan perniagaan dan tujuan lain yang dibenarkan oleh pihak pengurusan. Saya bertanggungjawab untuk melaporkan kecurian, kerugian ataupun salah guna aset syarikat dengan segera kepada pengurus saya atau pihak keselamatan di tempat kerja. Saya tidak melibatkan diri dalam aktiviti peribadi semasa waktu bekerja, seperti membuat panggilan peribadi, menghantar e-mel secara berlebihan, ataupun mengguna peralatan rangkaian sosial, yang mengganggu kerja ataupun menghalang saya daripada menunaikan tanggungjawab kerja saya. Saya tidak menggunakan komputer syarikat, sistem e-mel ataupun kelengkapan untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perniagaan atau untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang ataupun tidak beretika, seperti mencipta, menyimpan ataupun menghantar kandungan yang boleh dianggap orang lain sebagai tidak wajar, menyakitkan hati atau tidak menunjukkan rasa hormat. Para pekerja perlu membiasakan diri dengan [Polisi Penggunaan Boleh Diterima Celestia \(AUP\)](#) yang berkaitan dengan penggunaan sumber-sumber maklumat Celestica. Para pekerja harus menghubungi Pengurus Keselamatan Maklumat Global dengan sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan polisi ini.

Contoh aset

- Wang syarikat
- Barangan keluaran syarikat
- Pembekalan pejabat
- Waktu para pekerja di tempat kerja dan hasil kerja
- Sistem dan perisian komputer
- Telefon
- Peranti komunikasi tanpa wayar
- Mesin fotokopi dan faks
- Kenderaan syarikat
- Tanda niaga syarikat
- Dokumen-dokumen bercetak



Saya menghormati privasi dan melindungi maklumat sulit dan proprietari

Di Celestica, kami menghormati privasi rakan sekerja, rakan kongsi perniagaan, pelanggan dan pembekal kami. Dalam kehidupan kerja harian saya, saya mungkin akan didedahkan kepada maklumat peribadi dan perniagaan tentang rakan sekerja, pelanggan, pembekal kami ataupun Celestica. Maklumat ini adalah sulit dan hak milik syarikat, dan saya bertanggungjawab untuk melindunginya dengan melabelnya dengan sesuai, menyimpannya supaya ia selamat dan menghadkan hak mengetahui maklumat demikian kepada sesiapa yang memerlukan sahaja untuk tujuan menjalankan tugas mereka. Saya mengumpul, mengguna dan memproses maklumat ini bagi tujuan perniagaan yang sah sahaja. Saya sentiasa menggunakan maklumat peribadi dengan penuh tanggungjawab, selaras dengan undang-undang privasi dan amalan industri yang terbaik, dan berhati-hati untuk menghalang berlakunya pendedahan tanpa kebenaran. Kewajipan saya untuk melindungi maklumat proprietari sulit Celestica berterusan walaupun selepas saya tamat bekerja.

Saya tahu Celestica menghormati privasi saya

Semasa waktu perniagaan biasa, Celestica mengumpul dan menyimpan data peribadi tentang pekerja yang berkaitan dengan pekerjaan kami atau kerja yang bakal dijalankan dengan Celestica. Saya berasa senang hati mengetahui bahawa hak untuk mengetahui data saya adalah dihadkan secara dalaman kepada orang-orang yang mempunyai keperluan perniagaan sahaja. Saya memahami bahawa data peribadi saya mungkin dihantar / diguna di dalam negara dan di peringkat antarabangsa bagi tujuan perniagaan yang sah. Saya mengetahui bahawa data peribadi saya hanya boleh didedahkan kepada pihak ketiga dengan keizinan saya, kecuali dalam keadaan yang mana pendedahan adalah untuk pentadbiran rancangan faedah atau dikehendaki untuk mematuhi penyiasatan yang sah ataupun keperluan undang-undang.

Pendedahan maklumat sulit dan proprietari yang tidak wajar adalah seperti...

Seorang bakal pelanggan telah meminta Celestica menghantar sebut harga untuk barang proprietari baharu pelanggan tersebut. Semasa lawatan kilang, pelanggan tersebut memberitahu Mary tentang barang keluaran yang akan dikeluarkan tidak lama lagi, yang mana adalah sebuah barangan yang benar-benar menyeluruh. Dalam keadaan teruja, dia memberitahu kawannya, seorang wartawan teknologi, tentang barang keluaran tersebut. Akibat mendedahkan maklumat tersebut, Mary telah melakukan kesalahan dengan mendedah maklumat sulit serta dan mungkin menjejaskan pelancaran produk tersebut.

Kegagalan untuk melindungi maklumat pelanggan adalah seperti...

Dean bertanggungjawab untuk mengumpul maklumat mengenai pelanggan-pelanggan Celestica dan biasanya sangat berhati-hati untuk memastikan bahawa failnya dikunci di dalam laci sebelum meninggalkan pejabat. Suatu petang, Dean tergesa-gesa untuk membawa anak perempuannya ke kelas menari dan tertinggal suatu fail beberapa senarai pelanggan di atas mejanya. Dean telah cuai dalam tugasnya untuk melindungi pelanggannya.

Mematuhi undang-undang, kebertanggungjawaban diri dan pelanggaran peraturan

Pendedahan yang tidak wajar adalah seperti...

Scott berasa seronok mengetahui bahawa hasil suku tahunan Celestica merupakan suatu kemajuan yang cukup besar untuk tiga suku tahun terakhir. Berasa bangga dan teruja, dia menghubungi ibu dan bapanya dan menggalakkan mereka membeli lebih banyak saham dalam syarikat. Pengumuman awam pendapatan suku tahunan adalah dalam seminggu lagi. Scott mendedahkan maklumat bahan secara tidak wajar.

Sebagai sebuah organisasi global, syarikat kami terikat dengan undang-undang dan peraturan, dan kami adalah komited untuk mematuhi kesemuanya, di mana sahaja kami mengurus niaga. Sebagai seorang pekerja Celestica, saya tidak harap untuk menjadi pakar dalam bidang undang-undang, tetapi saya mesti memahami dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan jawatan saya dan mengetahui bila saya harus mendapatkan nasihat panduan.

Saya memahami tanggungjawab saya sebagai seorang pekerja syarikat awam

Syarikat awam seperti Celestica mempunyai beberapa kewajipan berkaitan dengan undang-undang dan peraturan. Sebagai seorang pekerja Celestica, saya berhak untuk mengetahui maklumat sulit yang boleh mempengaruhi harga stok Celestica yang belum lagi disediakan untuk orang awam, seperti semakan ramalan pendapatan, hasil kewangan, susunan semula, penggabungan dan pemerolehan, perubahan pengurusan atau barang keluaran baharu. Ini mungkin juga termasuk maklumat yang berkaitan dengan saham syarikat awam yang lain. Maklumat ini boleh dianggap sebagai "maklumat penting." Saya memahami bahawa saya tidak boleh mendedah ataupun menggunakan "maklumat bahan" tentang Celestica untuk keuntungan kewangan sendiri ataupun orang lain, termasuk kawan-kawan dan keluarga.

Saya juga memahami bahawa ianya menyalahi undang-undang untuk membeli, menjual; atau, menyaran atau menggalakkan orang lain untuk membeli ataupun menjual saham mana-mana syarikat, termasuklah Celestica apabila saya tahu "maklumat penting" tentang syarikat tersebut. Saya juga memahami bahawa membeli, menjual atau menasihati orang lain untuk membeli ataupun menjual saham mana-mana syarikat, termasuk Celestica, adalah menyalahi undang-undang apabila saya mempunyai pengetahuan maklumat penting tentang syarikat itu. Selain daripada dilarang untuk menukar beli saham Celestica, kadang-kadang saya mungkin dilarang untuk menukar beli sebuah syarikat yang berniaga dengan Celestica; contohnya, jika saya mengetahui bahawa Celestica adalah dalam proses untuk memperoleh sebuah syarikat yang lain, saya tidak boleh melakukan perdagangan untuk saham syarikat itu sehingga maklumat itu telah didedahkan secara awam. Apabila berasa ragu-ragu, saya merujuk kepada ([Corporate Disclosure Policy](#)) [Polisi Pendedahan Korporat](#) dan ([Insider Trading Policy](#)) [Polisi Perdagangan Orang Dalam](#) di Intranet atau e-mel compliance@celestica.com.

Selain daripada sekatan undang-undang untuk perdagangan orang dalam, saya memahami bahawa Celestica boleh memperkenalkan polisi mengikut budi bicaranya untuk menghadkan kebolehan saya untuk menukar saham Celestica untuk tempoh masa yang ditetapkan. Saya memahami bahawa tugas saya adalah untuk mematuhi polisi ini.



Saya berasa bangga bekerja dalam sebuah persekitaran yang selamat dan beretika

Celestica berkomited untuk menyediakan sebuah persekitaran yang selamat dan beretika untuk kami semua. Saya berasa lega untuk mengetahui bahawa syarikat kami:

- Membayar semua pekerja sekurang-kurangnya gaji minimum yang dikehendaki oleh undang-undang tempatan
- Memberikan semua pekerja faedah yang dikehendaki oleh undang-undang
- Memastikan bahawa buruh paksa, indentur ataupun terikat tidak digunakan
- Mematuhi keperluan umur minimum untuk bekerja

Saya mematuhi kawalan perdagangan antarabangsa

Semasa saya membuat atau terlibat dalam aktiviti import dan eksport sebagai seorang pekerja Celestica, saya wajib untuk memahami dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang boleh dikenakan, termasuk mematuhi prosedur pelesenan, pengangkutan, pendokumenan, pelaporan dan pengekalan rekod yang sesuai. Saya komited untuk sentiasa mematuhi semua kawalan perdagangan tempatan dan antarabangsa. Bila saya berasa ragu-ragu tentang sesuatu isu import atau eksport, saya tahu saya boleh merujuk kepada polisi dan prosedur import/eksport Celestica ataupun minta panduan daripada kumpulan dalaman dan luar yang bekerja dalam bidang yang rumit ini.

Saya memahami akibat tidak mematuhi

Kami semua bertanggungjawab untuk mematuhi undang-undang, BCG dan polisi Celestica yang lain. Saya memahami bahawa jika saya gagal membuat demikian, Celestica boleh mengambil tindakan tatatertib terhadap saya, sehingga dan termasuk pemecatan dengan segera. Dalam beberapa keadaan, apabila kelakuan saya melanggar BCG, ia juga menyalahi undang-undang. Saya memahami bahawa pelanggaran ini boleh menyebabkan saya didakwa, dipenjara dan didenda. Saya memahami bahawa Celestica akan bekerjasama sepenuhnya dengan pihak berkuasa yang wajar apabila berlaku pelanggaran undang-undang. Di samping itu, saya memahami bahawa Celestica mempunyai hak untuk mendapat ganti rugi daripada individu ataupun entiti yang bertanggungjawab apabila syarikat mengalami kerugian.

Pelanggaran peraturan kawalan perdagangan adalah seperti...

John sedang melengkapkan pendokumenan beberapa kotak yang dijadualkan untuk dihantar ke luar negeri dan dia tergesa-gesa untuk melengkapkan penghantaran. Dia tidak mengesahkan bahawa adakah negara asal (COO) betul sebelum penghantaran, dan akibatnya maklumat tersebut salah. Dokumen John yang tidak tepat melanggar peraturan import/eksport.

Bersuara atau meminta bantuan

Saya memahami tanggungjawab saya untuk melaporkan pelanggaran peraturan

Saya mempunyai kewajiban untuk mendukung piawai etika Celestica dan syarikat kami komited untuk memberikan saya panduan yang saya perlukan, menjawab soalan-soalan saya dan memberikan saya beberapa pilihan Pelaporan. Apabila saya melibatkan diri ataupun ternampak tindakan yang membimbangkan saya, atau saya mengesyaki apa-apa pelanggaran undang-undang, BCG ataupun polisi Celestica yang lain, saya pengurus saya akan segera membangkitkan isu tersebut dengan pengurus saya menghantar e-mail ke compliance@celestica.com ataupun menghubungi Talian Penting Etika. Saya tahu bahawa dengan berbuat demikian Celestica boleh mengatasi isu tersebut dan membetulkannya, secara ideal sebelum ia melanggar undang-undang atau menjadi risiko kepada kesihatan, keselamatan dan reputasi syarikat kami.

Bersuara atau meminta bantuan BCG adalah dirancang untuk digunakan sebagai panduan bagi tindakan dan keputusan kami. Namun keputusan ataupun keadaan yang melibatkan isu undang-undang atau etika biasanya rumit dan kadang-kadang tidak jelas. Oleh yang demikian saya mempunyai beberapa pilihan yang disediakan untuk saya bertanya soalan ataupun melaporkan kebimbangan. Saya boleh:

1. **Berbincang dengan pengurus saya.** Dia sentiasa boleh dihubungi untuk berbincang soalan atau kebimbangan saya.
2. **Gunakan polisi "Pintu Terbuka" kami.** Saya sepatutnya berasa bebas untuk berjumpa dengan mana-mana ahli pengurusan atau wakil Sumber Manusia saya untuk menyuarkan kebimbangan saya secara rahsia.
3. **Menghubungi Talian Penting Etika kami.** Jika saya berasa tidak selesa untuk melaporkan kebimbangan secara dalaman, perkhidmatan ini memberikan saya satu pilihan tanpa menyatakan nama saya. Ia dikendalikan 24 jam sehari, 7 hari seminggu, oleh sebuah syarikat yang bebas.
4. **Melaporkan melalui web.** Jika saya berasa tidak selesa untuk melaporkan kebimbangan secara terus kepada pengurus saya atau seorang ahli sumber manusia, saya juga boleh mengakses Talian Penting Etika melalui sebuah peralatan dalam talian berdasarkan web yang selamat. Halaman web boleh didapati di alamat yang berikut - www.ethics.celestica.com. Pilihan ini boleh didapati dalam bahasa tempatan saya, 24 jam sehari, 7 hari seminggu, dan dikendali oleh sebuah syarikat yang bebas.



Pelaporan yang berkesan

Celestica mengambil serius semua laporan kemungkinan salah laku dan akan menyiasat perkara tersebut secara sulit, menentukan sama ada ia telah melanggar BCG ataupun undang-undang, dan mengambil tindakan pembetulan yang sesuai. Jika saya terlibat dalam penyiasatan BCG, saya dijangka untuk bekerjasama sepenuhnya dan menjawab semua soalan secara lengkap dan jujur.

Apabila saya melihat kejadian atau tingkah laku yang melanggar BCG, saya melaporkan fakta-fakta bersangkutan secara tepat,

- Penerangan salah laku yang dilihat/diketahui
- Nama pekerja yang terlibat dan terjejas
- Tarikh dan tempat kejadian
- Sebarang dokumen sokongan (e-mel, rekod, laporan)

Tiada tindakan balas

Celestica menghargai bantuan para pekerja yang mengenal pasti kebimbangan dan potensi pelanggaran terhadap BCG, undang-undang dan peraturan yang boleh terjadi. Saya memahami bahawa Celestica melarang sebarang ancaman atau tindakan balas terhadap sesiapa yang melapor, secara jujur, pelanggaran undang-undang, BCG ataupun polisi lain kami yang sebenar ataupun disyaki, ataupun sesiapa sahaja yang bekerjasama atau membantu dalam satu penyiasatan yang berkaitan dengan pelanggaran yang dilaporkan. Saya mengetahui bahawa Celestica mempunyai hak untuk mengenakan tindakan disiplin terhadap pekerja yang memberikan maklumat palsu ataupun membuat tuduhan yang tidak benar dengan sengaja. Jika saya terlibat mengambil bahagian dengan kelakuan yang dilarang, saya mengetahui bahawa saya digalakkan untuk melaporkannya dan Celestica akan mempertimbangkan ini semasa membuat keputusan tentang sebarang tindakan disiplin.



Arahan-arahan Pendailan Talian Penting Etika

Sekiranya anda membuat panggilan, anda tidak perlu memberitahu nama anda. Seorang pakar penemuduga akan mencatat kebimbangan anda dan akan memaklumkan kepada Celestica untuk tindakan susulan. Anda boleh menghubungi talian penting dengan mencari nama lokasi dan nombor telefon di dalam senarai yang ditunjukkan.

LOKASI	NOMBOR TELEFON
China	400-1204-132
Hong Kong	800-964214
Ireland	1-800-903-377
Jepun	0066-33-11-2505 00531-121520
Korea Selatan	00798-1-1-003-8571
Laos	www.ethics.celestica.com
Malaysia	1-800-80-8641
Mexico	001-800-840-7907
Romania	001-800-913-4998
Singapura	800-1204201
Sepanyol	900-991498
Thailand	001-800-12-0665204
A.S. dan Kanada	1-888-312-2689

Bagi mendapatkan senarai terkini nombor – nombor yang boleh dihubungi, sila layari

www.ethics.celestica.com

Jika lokasi anda tidak terdapat dalam jadual di atas, sila gunakan arahan yang berikut untuk menghubungi Talian Penting Etika:

1. Dari talian luar hubungi operator tempatan anda.
2. Minta panggilan caj balikan (berasaskan ketersediaan perkhidmatan) ke Amerika Syarikat, ke nombor 503-726-2457. Semua panggilan caj balikan akan diterima oleh pembekal perkhidmatan Talian Penting Etika. Sila beri perhatian bahawa kos tol antarabangsa akan dikenakan jika panggilan caj balikan tidak boleh didapati dari negara anda.
3. Apabila operator bertanya, siapa yang membuat panggilan, beri nama syarikat anda. Jangan beri nama anda.